

**Blackout: Khalid gesa PKR ambil tindakan tegas**  
**Malaysian Insider**  
**April 30, 2014**

**OLEH JAMILAH KAMARUDIN**

Calon Timbalan Presiden PKR, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menggesa Biro Politik PKR mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang didapati menipu semasa undian Pemilihan PKR 2014 minggu lalu.

Khalid yang juga menteri besar Selangor itu berkata, tindakan tegas perlu diambil jika benar siasatan Jawatankuasa Pemilihan Parti (JPP) mendapati berlakunya 'blackout' ketika proses kiraan undi.

"PKR dan Pakatan Rakyat sangat marah kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) kerana tidak jaga pilihan raya dengan betul.

"Jadi (JPP) kena buat kajian dengan betul," katanya kepada pemberita selepas sidang media di Bangunan SUK di Shah Alam, hari ini.

Beliau berkata, pihaknya masih belum berpuas hati dengan penjelasan JPP mengenai insiden tersebut dan menggesa mereka membuat penjelasan sebenar kepada calon lain.

"Saya mesti mendapatkan laporan yang tepat tentang perkara ini," katanya. – 30 April, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/blackout-khalid-gesa-pkr-ambil-tindakan-tegas>